



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 5 FEBRUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SSL DAGING BABI TINGGI, LEMBU DAN KAMBING KEKAL RENDAH, PARLIMEN, HAKAH, M/S – 4	LAIN – LAIN
2.	PESAWAH INKAR JADUAL PUNCA PENYAKIT PADI MENINGKAT, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 22	
3.	MUARA CETEK, HASIL KERANG NELAYAN BAGAN DATUK MEROSOT, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28	
4.	DARI HOSPITAL KE BENDANG, NEGARA, KOSMO, M/S – 1 & 2	
5.	PEMUDA UBAH SAWAH JADI 'LUBUK EMAS', JANA RM20,000, NEGARA, KOSMO, M/S – 2	
6.	STRATEGI TANPA ORANG TENGAH, BISNES, SINAR HARIAN, M/S – 28	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

SSL daging babi tinggi, lembu dan kambing kekal rendah



Dr Ahmad Yunus Hairi

KUALA LUMPUR: Kadar Tahap Sara Diri (SSL) daging babi di negara ini didedahkan jauh lebih tinggi berbanding daging haiwan ruminan, malah seharian pengeluarannya turut dieksport ke luar negara walaupun berhadapan isu penya-kit dan bantahan rakyat.

Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi (PN-Kuala Langat) berkata, keadaan itu menimbulkan persoalan besar terhadap hala tuju dasar penternakan negara, khususnya apabila SSL daging lembu dan kambing kekal rendah.

Menurut beliau, Kemen-

terian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memaklumkan SSL semasa daging ruminan hanya sekitar 20 peratus dengan sasaran dinaikkan kepada 50 peratus menjelang 2030.

"Persoalan utama ialah apakah langkah konkrit dan mampan KPKM untuk meningkatkan SSL daging ruminan daripada 20 peratus kepada 50 peratus menjelang 2030?"

"Dalam masa sama, apakah hala tuju sebenar dasar penternakan babi yang lebih selamat, sesuai dari segi lokasi

dan tidak menimbulkan kesan kepada rakyat serta alam sekitar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja di Dewan Rakyat.

Dalam perbahasan sama, Ahmad Yunus turut membangkitkan isu serius berkaitan sektor kesihatan awam di Sabah dan Sarawak yang masih bergelut dengan kemudahan uzur, kekurangan doktor pakar serta akses rawatan yang terhad.

Katanya, titah Yang di-Per-tuan Agong yang menekankan

aspek kesihatan rakyat wajar dijadikan keutamaan, khususnya dalam memastikan saran seorang doktor bagi 400 penduduk dapat dicapai.

"Dilaporkan Sabah dan Sarawak berhadapan kekurangan sehingga 4,000 doktor pada 2025, sedangkan keperluan mencecah 6,000 orang.

"Masalah ini bukan sekadar melibatkan jumlah tetapi juga ketidakseimbangan agihan doktor antara bandar dan luar bandar, selain isu graduan perubatan dari institusi tidak diiktiraf," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	22

Pesawah ingkar jadual punca penyakit padi meningkat

Serangan ulat korek batang, jangkitan kulat jejakkan hasil

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SABAK BERNAM - Punca utama peningkatan risiko serangan penyakit seperti ulat korek batang dan jangkitan kulat di kawasan penanaman padi Blok P, Pasir Panjang, Sekinchan di sini disebabkan kegagalan sebahagian pesawah mematuhi jadual penanaman yang ditetapkan sekali gus menjejaskan hasil tanaman.

Pesawah Blok P, Pasir Panjang, Azhar Selamat, 50, berkata, ketidakpatuhan pesawah terhadap jadual penanaman menyebabkan tanaman padi terdedah kepada penyebaran penyakit yang sukar dikawal pada setiap musim.

Menurutnya, Blok L sepatutnya memulakan penanaman dari 1 hingga 20 Februari, manakala Blok P bermula dari 1 hingga 20 Mac, namun penanaman yang dibuat secara serentak atau terlalu hampir menyebabkan penyakit mudah merebak dari satu kawasan ke kawasan lain.

"Apabila padi ditanam tidak mengikut jadual, serangan ulat korek batang dan penyakit kulat berlaku dengan lebih cepat.

"Kami tidak mampu mengawalinya walaupun menggunakan racun kerana jangkitan datang dari sawah bersebelahan," katanya ketika ditemui pada Rabu.

Seorang lagi pesawah, Sulbani Abd Karim,



61, berkata, penanaman yang tidak mengikut jadual menyebabkan perosak seperti ulat korek batang mudah merebak dari satu blok ke blok lain.

"Apabila satu kawasan menaaham lebih awal, perosak akan berpindah mengikut tanaman sehingga akhirnya pesawah yang mematuhi jadual turut menanggung akibat kemerosotan hasil pengeluaran," jelasnya.

Pesawah Blok P, Mohd Khairi Azahar, 34, berkata, selain serangan penyakit, penanaman yang tidak mengikut jadual turut menjejaskan pengurusan air kerana pesawah tidak dapat membuang atau mengawal air di palung mengikut keperluan tanaman.

"Pihak bertanggungjawab yang meng-

urus tanaman padi diharap dapat menguatkuasakan kawalan jadual penanaman secara tegas bagi mengelakkan masalah berulang," ujarnya.

Abd Majid Ahmad, 63, berkata, ketiadaan kawalan sistem pengairan menyebabkan pesawah bebas membuka dan menutup kunci air walaupun belum tiba tempoh penanaman.

"Kelemahan pemantauan oleh pihak berkaitan terhadap sistem takungan menyebabkan air dilepaskan tanpa kawalan sehingga bekalan menjadi kering apabila diperlukan," jelasnya.

Sementara itu, Ketua Blok P11, Pasir Panjang, Arbain Manap berkata, keadaan itu menjejaskan pesawah yang menanam benih



Ulat korek batang yang memusnahkan pokok padi pesawah.

Penanaman padi tidak mengikut jadual menjejaskan pengurusan air apabila pesawah gagal mengawal air di palung mengikut keperluan tanaman.

INFO

- Ulat pengorek batang (*Scirpophaga incertulas*) adalah perosak utama padi yang mengorek batang, menyebabkan kerosakan serius dan mengakibatkan pesawah kehilangan hasil 20-80 peratus. Larva ulat ini memakan tisu lembut dalam batang pokok padi.

padi sah mengikut jadual ditetapkan sehingga menyebabkan penurunan hasil yang ketara.

"Benih padi sah ini penting kerana menjadi sumber benih seluruh negara, namun jika jadual tidak dipatuhi, bekalan benih pada masa hadapan juga akan terjejas," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28

Muara cetek, hasil kerang nelayan Bagan Datuk merosot

Oleh AIN SAFRE BIDIN

utusannews@mediamulla.com.my

BAGAN DATUK: Nelayan dan penternak kerang di pesisir muara Sungai Tiang di sini mengeluh apabila pendapatan hasil kutipan kerang semakin merosot berikutan keadaan perairan yang semakin cetek sejak kebelakangan ini.

Situasi itu didakwa berpunca daripada beberapa faktor antaranya musim panas berpanjangan, pencerobohan kawasan ternakan kerang serta fenomena air pasang besar yang menjejaskan habitat hidupan laut berkenaan.

Seorang penternak kerang, Mohd. Nahar Sarip, 58, berkata, keadaan muara yang cetek serta aliran air yang perlahan menyebabkan lumpur di dasar sungai menjadi keras, sekali gus menjejaskan pembiakan dan populasi kerang.

Menurutnya, fenomena air pasang besar yang berlaku pada Oktober lalu turut menyebabkan air tercemar mengalir hingga ke muara Sungai Perak di sekitar Bagan Datuk seterusnya memusnahkan benih kerang sedia ada.

"Beberapa tahun lalu, hasil kerang masih banyak dan boleh dijual dalam kuantiti besar namun sejak kebelakangan ini jumlahnya semakin berkurangan.

"Sekarang saya hanya mam-



MOHD. Nahar Sarip menggunakan peralatan khas untuk menyauk kerang di muara Sungai Tiang di Bagan Datuk, Perak. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

pu mengutip sekitar lima hingga enam kilogram sehari. Paling banyak pun lapan kilogram dan itu pun kebanyakannya sudah mati atau rosak," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Mohd. Nahar berkata, sebelum ini dia mampu memperoleh pendapatan bersih sehing-

ga RM8,000 sebulan namun kini merosot kepada sekitar RM2,000 akibat hasil yang semakin berkurangan.

Katanya, bagi tahun ini, dia hanya beberapa kali dapat menjual kerang hasil ternakan di muara Sungai Tiang berikutan kadar pembiakan yang rendah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2026	KOSMO	NEGARA	1

Dari hospital ke bendang

- Doktor cemerlang sanggup tinggalkan kerjaya profesional
- Kembali ke kampung jadi pesawah, cipta kejayaan baharu

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

KUALA SELANGOR – Seorang doktor sanggup meninggalkan kerjaya profesional dalam bidang perubatan apabila kembali ke kampung halamannya untuk menjadi pesawah di Sawah Sempadan, Tanjong Karang di sini.

Malah Dr. Azman Mohd. Sharif, 59, turut cekal menepis pandangan sinis sesetengah pihak yang mempersoalkan keputusannya meninggalkan dunia perubatan yang telah diceburinya lebih 20 tahun.

Dr. Azman berkata, sebelum ini dia pernah berkhidmat di hospital dan tiga buah klinik dari 1996 hingga 2010 sebelum menjadi pengarah di sebuah pusat dialisis selama 10 tahun.

DR. AZMAN menunjukkan hasil padi yang telah diproses sebelum dijual kepada pelanggan di Tanjong Karang, Kuala Selangor.

»BERSAMBUNG DI MUKA 2



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2026	KOSMO	NEGARA	2

Dari hospital ke bendang

DARI MUKA 1

Katanya, pelbagai pandangan sinis diterima antaranya mempersoalkan kemahuannya untuk menjadi seorang pesawah yang terpaksa berhujan dan berpanas, sedangkan dia sudah mempunyai kerjaya baik dan selesa.

"Alasan saya kembali ke sawah adalah untuk mengambil alih tanah keluarga selepas ayah sakit, selain minat dalam bidang pertanian," katanya kepada Kosmo! semalam.

Dr. Azman berkata, dia telah lima tahun menceburi bidang pertanian dengan mengusahakan 4.8 hektar sawah yang bersamaan empat keping tanah.

Hasil penat lelahnya itu, dia berjaya memperoleh keuntungan kasar kira-kira RM30,000 pada setiap musim.

"Minat sangat penting, kalau buat sikit-sikit, penat. Harus ada skala ekonomi yang betul. Saya usahakan 4.8 hektar dalam empat lot tanah. Sistem pengurusan bersepadu juga amat penting supaya racun dari jiran tidak memasuki lot kita," ujarnya.

Lebih membanggakan, Dr. Azman juga berjaya membina kilang sendiri dengan bantuan geran penuh kerajaan sebanyak RM100,000 melalui program Sistem Amalan Pertanian Baik dan mampu menghasilkan 300 kilogram (kg) padi sehari yang dijual



DR. AZMAN menunjukkan padi yang dikeringkan sebelum dikisar di kilangnya di Sawah Sempadan, Tanjong Karang, Kuala Selangor.

secara dalam talian.

"Proses pengeringan paling lama, ambil masa 10 jam, tetapi itulah bahagian penting dalam pengilangan.

"Generasi muda perlu dilibatkan dalam bidang ini sebagai pelapis dan menggunakan teknologi untuk memudahkan ker-

ja sawah tanpa perlu masuk ke bendang setiap masa, namun pemantauan dan ilmu melalui kursus Jabatan Pertanian juga amat penting," katanya.

Menurutnya, kos pengurusan satu lot sawah hampir RM4,500 semusim dan disebabkan itu, pesawah perlu menginovasikan

kaedah moden bagi menampung kos tersebut.

"Generasi muda juga perlu bijak mengambil peluang meneroka industri hiliran, termasuk agro pelancongan, contohnya dengan membuka chalet di kawasan sawah," katanya.

Dr. Azman memberitahu, dia

turut memiliki sembilan chalet untuk penginapan pelancong sebagai sumber pendapatan sampingannya.

Difahamkan, terdapat 71 pesawah muda yang berusia di bawah 40 tahun di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Barat Laut Selangor setakat ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/2/2026	KOSMO	NEGARA	2

Pemuda ubah sawah jadi 'lubuk emas', jana RM20,000



DANIAL FARHAN ketika melakukan proses penaburan baja di salah satu lot tanah sawahnya di Kampung Sungai Sireh, Tanjong Karang.

KUALA SELANGOR – Seorang pesawah muda mengubah sawah menjadi 'lubuk emas' menggunakan teknologi penanaman padi moden sehingga mampu menjana RM20,000 semusim.

Danial Farhan Mohd. Salleh, 23, berkata, dia membuat keputusan berlawanan apabila majoriti bekas graduan seusianya meninggalkan kampung demi kerjaya lebih selesa di bandar.

"Langkah ini diambil sejak dua tahun lalu selepas menyedari sawah padi bukan sekadar warisan keluarga, malah peluang perniagaan yang lumayan jika diurus secara profesional," katanya kepada Kosmo!

Dia yang berkelulusan Diploma Perlindungan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Jasin, Melaka menguruskan 14 hektar sawah padi serta lapan hektar kebun dengan pelbagai tanaman termasuk sawit dan jagung di sekitar Kampung Sungai Sireh,

Tanjong Karang.

"Saya sertai bidang ini sebagai pelapis generasi dan melihatnya satu perniagaan yang besar perlu diterokai. Berbudi pada tanah memang tidak pernah menghampakan.

"Kalau cuaca beri kerjasama dan tiada penyakit, hasil maksimum boleh capai 10 tan bagi 1.2 hektar atau sekeping lot tanah sawah bersamaan lebih kurang hasil kasarnya RM20,000 semusim," katanya.

Dia mengakui tanaman padi berisiko tinggi, tetapi penggunaan konsep moden dapat meningkatkan produktiviti dan mengurangkan risiko kerugian.

Justeru, katanya, penggunaan dron dan mesin transplanter perlu diaplikasikan sewajarnya.

"Kalau guna mesin transplanter, dua jam boleh selesai tanam benih padi. Memang konsep tradisional seperti tabur benih adalah menjimatkan kos, namun

sukar hendak elakkan padi angin (padi yang tiada hasil)."

"Saya juga memiliki kemahiran kejuruteraan dari pusat latihan kejuruteraan dalam bidang traktor, lengkap dengan lesen H bagi membawa jentera berat beroda yang dibeli pada harga RM20,000," katanya.

Danial Farhan kini mempunyai enam pekerja tetap yang membantu dalam semua proses, daripada menanam sehingga menuai padi.

"Pesawah bukan sekadar sambung legasi keluarga, tetapi memerlukan mentaliti dan disiplin tinggi. Kita tidak boleh amalkan 3T iaitu tanam, tinggal dan tuai. Semua bergantung kepada usaha, disiplin serta mentaliti.

"Cabaran kita adalah cuaca dan serangan perosak terutama ulat batang. Saya pernah dapat empat tan hasil sahaja. Yang penting kena pandai urus, hasil lumayan pasti ada," katanya.

Mohd Nuril menunjukkan buah golden melon di kebunnya di Kampung Parit Sulaiman, Telok Kerang, Pontian.



Strategi tanpa orang tengah

Usahawan muda pasaran sendiri hasil golden melon

Oleh NOR AZURA MD AMIN

PONTIAN - Dari pegawai kawalan kualiti kilang kepada pemilik ladang melon, Mohd Nuril Azim Ahmad Bahrom membuktikan generasi muda luar bandar mampu berjaya dalam bidang pertanian moden dengan memanfaatkan media sosial sebagai medium pemasaran.

Lulusan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Jasin, Melaka itu memulakan langkah dalam bidang pertanian dengan mengusahakan kebun kelapa sawit selepas berhenti kerja ketika pandemik Covid-19, sebelum beralih kepada penanaman golden melon.

Menurut Nuril Azim, keputusan pulang ke kampung turut didorong oleh tanggungjawab menjaga kedua-dua ibu bapanya, Ahmad Bahrom Jamari, 61, dan Suraya Rahmat, 53, yang merupakan orang kurang upaya (OKU) pendengaran dan pertuturan.

Nyata, keputusan yang dibuat oleh anak sulung daripada dua beradik itu tidak sia-sia apabila beliau kini mengusahakan kebun golden melon secara hidroponik di Kampung Parit Sulaiman, Telok Kerang.

"Sebelum memulakan penanaman golden melon, saya mengikuti kursus daripada seorang usahawan berjaya di Johor Bahru yang merangkumi teknik penanaman, penjagaan tanaman serta penyediaan baja.

"Memandangkan saya pernah menguruskan kebun kelapa sawit sebelum ini, pengetahuan asas dalam bidang pertanian banyak membantu saya memahami projek penanaman golden melon dengan lebih cepat," katanya.

Beliau kini menanam sebanyak 500 pokok golden melon dan memasarkan hasil tuaian terus kepada pelanggan menerusi platform media sosial seperti Facebook, TikTok dan WhatsApp.

Katanya, harga jualan golden melon ditetapkan mengikut saiz buah iaitu saiz A pada harga RM12, saiz B RM10 dan gred premium RM14 sebiji.

"Setakat ini, sambutan daripada pelanggan amat menggalakkan dengan penghantaran dibuat sekitar Benut, Pekan Nanas dan Kukup selain pembeli yang datang sendiri ke ladang.

"Saya tidak bergantung kepada orang tengah untuk menjual golden melon. Siapa kata, usahawan luar bandar tidak mampu pasaran hasil pertanian mereka sendiri. Melalui media sosial saya buktikan boleh pasaran hasil pertanian," katanya lagi.

Ditanya tentang permulaan projek penanaman golden melon, Nuril Azim memberitahu modal sebanyak RM20,000 hasil wang simpanan sendiri digunakan untuk membina rumah hijau serta memasang sistem pengairan moden.

"Sistem yang digunakan ialah hidroponik *deep flow technique* (DFT). Kerja-kerja penanaman bermula dengan 500 pokok golden melon.

"Kaedah penanaman secara hidroponik dipilih kerana pengurusan ladang yang lebih mudah dan



Golden melon ditanam secara hidroponik mendapat permintaan tinggi di pasaran.

sistematik, selain dapat mengurangkan ketergantungan kepada tenaga kerja.

"Kaedah ini juga membolehkan pusingan hasil tanaman menjadi lebih maksimum serta penggunaan teknologi moden yang membantu mengurangkan kadar penggunaan racun kimia ke atas tanaman," tambahnya.

Menurutnya, pada peringkat awal, beliau berdepan masalah tekanan air yang berlebihan dalam sistem pengairan sehingga menjejaskan proses pembajaan, namun ia tidak memberi kesan besar kepada pertumbuhan tanaman.

"Tempoh matang golden melon sekitar 70 hari sebelum dituai. Daripada 500 pokok yang ditanam, kebiasaannya sekitar 450 pokok berjaya mengeluarkan hasil.

"Saya merancang untuk menambah dua lagi rumah hijau supaya sebanyak 1,500 pokok golden melon dapat ditanam serentak bagi memenuhi permintaan pelanggan," katanya.



Tanaman melon secara hidroponik diusahakan Nuril Azim di Kampung Parit Sulaiman.